

27 MAR 2002

Parlimen-Angkasa

PERJANJIAN MALAYSIA-RUSSIA DALAM AEROANGKASA DITANDATANGANI TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Malaysia akan menandatangani Perjanjian Kerjasama Saintifik dan Teknikal dalam bidang aeroangkasa dengan Russia tahun ini, kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Zainal Dahlan.

Perjanjian itu yang turut merangkumi kerjasama dua hala antara kedua-dua negara akan ditandatangani sempena lawatan Menteri Industri, Sains dan Teknologi Russia I. I. Klebanov ke Malaysia, katanya menjawab soalan tambahan Datuk Zulhasnan Rafique (BN-Wangsa Maju) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan tarikh lawatan menteri dari Russia itu.

Katanya, beberapa perbincangan dan perundingan antara kedua-dua negara telah diadakan sempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Russia baru-baru ini.

Antara perundingan itu ialah perjanjian kerjasama untuk mereka bentuk, membina, melatih sumber manusia, memindah teknologi dan melancarkan satelit bagi tujuan remote sensing serta membina stesen kawalan bumi antara sebuah syarikat aeroangkasa Russia, NPO Mashinostroenla dengan Astronautic Technology Malaysia Sdn Bhd, katanya.

Katanya, perundingan juga diadakan antara sebuah syarikat telekomunikasi Russia, NPO of Applied Mechanics di Siberia yang memberi tawaran pembinaan satelit Measat 6 yang akan menyediakan perkhidmatan meliputi sehingga benua Afrika, kepada syarikat Binariang Satellite System.

Menjawab soalan asal Zulhasnan, Zainal berkata teknologi satelit merupakan antara komponen penting dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Katanya penubuhan Agensi Angkasa Negara kini di peringkat akhir dan dijangka mula beroperasi Julai depan.

"Harap agensi ini dapat menyelaraskan keperluan negara dalam bidang ini dan seterusnya menyiapkan keperluan infrastruktur dan Dasar Satelit Negara," katanya.

Katanya, agensi itu juga bertanggungjawab merangka pelan strategik untuk program angkasa negara.

-- BERNAMA

RZS RZS RHM